

## UMP terima kunjungan balas Unsyiah Banda Aceh



Pada 28 Februari 2009 baru-baru ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menerima seramai 30 pelajar dan empat staf daripada Universitas Syiah Kuala (Unsyiah), Banda Aceh.

Kunjungan tersebut yang diketuai oleh Timbalan Rektor, Fakultas Ekonomi Unsyiah, Dr. Ridwan turut disertai empat orang pelajar dan dua pegawai daripada Universiti Malaya (UM).

Kunjungan pada kali ini adalah kunjungan balas memandangkan sebelum ini UMP yang diwakili oleh staf Unit Keusahawanan dan Inovasi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) serta dua orang pelajar telah melawat universiti berkenaan.

Selain itu juga, rombongan ini telah berada di Malaysia sejak 25 Februari yang lalu bagi menjalankan aktiviti bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan UM.

Rombongan ini telah disambut oleh Dekan JHEPA, Profesor Dr. Abdul Jalil Borham.

Di kesempatan itu juga, ahli rombongan telah dibawa melawat ke gerai pameran di Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur yang turut berlangsung pada hari yang sama.

Menurut Profesor Dr. Abdul Jalil dalam ucapan aluannya semasa sesi taklimat dan ramah mesra, menyeru agar mahasiswa Unsyiah sentiasa

berhubung dengan mahasiswa UMP dalam menjalankan aktiviti pelajar meliputi aspek Keusahawanan, Kepimpinan, Kesukarelaan, Bakti Siswa dan pelbagai aktiviti lain.

Tambah beliau, UMP juga berasa bertuah kerana berjaya melibatkan pelajar Unsyiah dalam gerai jualan bersempena Karnival Pengajian Tinggi Negara baru-baru ini.

Satu lot niaga diberikan untuk pelajar tersebut dan antara produk jualan ialah Kopi Aceh, kraftangan, tas tangan wanita, pakaian batik Aceh, *t-shirt* dan lain-lain.

Menurut Dr. Ridwan, beliau kagum dengan pembangunan kampus UMP walaupun baharu berusia tujuh tahun serta tertarik dengan pelbagai jenis aktiviti yang dijayakan oleh pelajar UMP sehingga ke peringkat antarabangsa.

UMP turut disajikan dengan satu persembahan daripada mahasiswa Aceh yang dinamakan tarian "Likok Pulo" iaitu sejenis tarian yang disinambungkan dengan lagu yang menceritakan sejarah Aceh serta cerita rakyat berunsur nasihat.

Majlis berakhir dengan sesi bergambar dan kemudiannya delegasi Unsyiah dibawa ke Bandar Kuantan bagi melawati Pusat Kraftangan, industri kecil sederhana di kawasan Tanjung Lumpur dan melawat perniagaan di Teluk Cempedak.

Kemenangan berganda di Pameran Expo Teknologi Malaysia (MTE) 2009 pada 19 hingga 21 Februari 2009 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur telah dapat membuktikan bahawa para penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) mampu bersaing di peringkat nasional bersama-sama dengan para penyelidik dari pelbagai universiti dan agensi swasta.

Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kejayaan UMP merangkul anugerah khas itu merupakan yang pertama sepanjang pembabitan UMP dalam MTE apabila salah satu projek penyelidikan memenangi anugerah khas dan pingat emas iaitu daripada bahan buangan industri kepada formulasi gris serbaguna hasil ciptaan Dr. Hayder A. Abdul Bari dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).

"Secara keseluruhannya, sebanyak 460 projek penyelidikan telah menyertai pameran ini di mana sebanyak 65 pingat emas, 135 pingat perak dan 200 pingat gangsa telah dianugerahkan kepada projek penyelidikan yang terpilih.

"Pada penyertaan tahun ini, UMP telah menghantar sebanyak 13 penyertaan yang terdiri daripada pelbagai projek penyelidikan dari kesemua fakulti.

"UMP telah berjaya merangkul tiga pingat emas, dua pingat perak dan tujuh pingat gangsa," katanya selepas majlis meraikan kejayaan penyelidik UMP di Dewan Bankuet baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UMP, Profesor Dr. Rosli Mohd. Yunus.

Dua lagi pingat emas yang berjaya dirangkul adalah melalui projek penyelidikan dari Dr. Ahmed N. Abdella dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) iaitu *Multi-patient DSP Based Arrhythmias Monitoring System using a Reliable Wireless Sensor Protocol* dan Zamzuri Hamedon dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) iaitu *Zapplt (Motorized Cutter for Harvesting Palm Fruit)*.